

**PERMOHONAN MENGADAKAN LAWATAN KE TASKA/ TODDLER DI TADIKA
/PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK**

(Nama dan alamat Klinik):

Rujukan:

(Nama dan alamat Taska/Toddler di Tadika):

Tarikh:

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN MEMBUAT LAWATAN DAN AKTIVITI PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN DI
TASKA/TODDLER DI TADIKA /PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pihak kami (Nama Klinik) ingin memohon kebenaran pihak pengurusan TASKA/TODDLER DI TADIKA/PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK untuk menjalankan lawatan ke premis tuan/puan pada tarikh yang berikut:

LAWATAN 1 :

LAWATAN 2:

3. Tujuan utama lawatan ini adalah bagi memupuk kesedaran akan kepentingan penjagaan kesihatan pergigian seawal usia kanak-kanak, dalam kalangan ibu bapa/penjaga dan pengasuh.
4. Antara aktiviti yang akan dijalankan semasa lawatan adalah **ceramah kesihatan pergigian** kepada ibu bapa/pengasuh, **pemeriksaan mulut kanak-kanak**, **latihan memberus gigi** serta merujuk kanak-kanak ke klinik pergigian berhampiran sekiranya memerlukan rawatan susulan. Pihak kami juga memerlukan kebenaran daripada ibu bapa bagi menjalankan pemeriksaan mulut kepada kanak-kanak di TASKA/TODDLER DI TADIKA/PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK. Sehubungan dengan itu, kami mohon jasa baik pihak pengurusan TASKA/TODDLER DI TADIKA/PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK untuk mengedarkan borang kebenaran rawatan pergigian yang disertakan bersama surat ini, kepada ibu bapa/penjaga sebelum kami menjalankan lawatan di TASKA/TODDLER DI TADIKA/PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK ini.
5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi (Nama pegawai in-charge) melalui talian (nombor untuk dihubungi). Semoga permohonan ini mendapat pertimbangan sewajarnya dan kelulusan daripada tuan/puan.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan terhadap perkara ini didahulukan ucapan terima kasih.

Sekian yang menjalankan amanah

(NAMA PENUH PEGAWAI)

(Jawatan dan Alamat Klinik)